

## BAB II

### TINJAUAN LITERATUR DAN KAJIAN BERKAITAN

#### 2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, akan dibincangkan literatur dan kajian berkaitan. Kajian-kajian yang berkaitan melihat beberapa variabel yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap mata pelajaran tertentu. Ini dilihat kepada model-model pencapaian beberapa mata pelajaran tertentu. Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungkaitan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perkara yang akan dibincangkan ialah Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Islam, Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) dan melihat beberapa variabel yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap PAFA.

#### 2.2 Falsafah Pendidikan Negara

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menukar nama kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada pertengahan tahun 1986. Pelbagai perubahan telah dibuat,

bukan hanya pertukaran nama tetapi juga mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah yang mana telah ditukarkan kepada "pendidikan". Antaranya Pelajaran Bahasa Melayu telah ditukarkan kepada Pendidikan Bahasa Melayu, Pengetahuan Agama Islam telah ditukarkan kepada Pendidikan Agama Islam dan mata pelajaran lain seperti Pendidikan Moral dan Pendidikan Jasmani. Ini kerana konsep pendidikan itu lebih luas. Pendidikan merupakan sesuatu yang abstrak dan begitu luas pengertiannya yang mana ia telah bermula daripada seseorang itu masih dalam kandungan ibunya sehingga akhir hayatnya ( Masruhan, 1995 ).

Oleh kerana konsep pendidikan yang luas maka perlu suatu falsafah pendidikan. Secara amnya falsafah pendidikan adalah suatu bidang kajian , spekulasi dan pengalaman dalam mana metod-metod falsafah digunakan untuk mengkaji masalah atau isu yang berkaitan dengan sistem pendidikan. Falsafah Pendidikan digunakan untuk menjelaskan dan memberi justifikasi kepada pernyataan pendidikan, terutama sekali untuk melihat dan mengkaji pertalian antara teori dan praktik dalam sistem pendidikan itu ( Ramaiah A.L , 1992 ).

Pembentukan Falsafah Pendidikan Negara sebenarnya mengambil kira pelbagai aspek bagi menghasilkan bangsa yang maju, bertamadun , berdaya saing dan tahan diuji dari segi mental atau emosi ( Mohd Salleh, 1996 ). Adalah diharapkan melalui Falsafah Pendidikan Negara pelbagai perubahan dan faedah yang besar dapat dihasilkan. Antara faedah atau peranan yang dimaksudkan meliputi pelbagai bidang keperluan seperti sosial, politik, agama , ekonomi, pendidikan dan komunikasi.

Antara hasrat Falsafah Pendidikan Negara ini adalah untuk melahirkan insan yang baik dan sempurna sebagai warganegara Malaysia dengan memiliki ciri-ciri berikut:

- a. Percaya dan patuh kepada Tuhan.
- b. Berilmu pengetahuan dan berfikiran kreatif serta rasional.
- c. Berakhlak mulia.
- d. Berketrampilan.
- e. Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, bangsa dan negara.
- f. Berbakti dan memberikan sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.
- g. Memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadau.

Berdasarkan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang memerlukan komitmen pelaksanaan yang bersungguh-sungguh. Oleh itu penilaian yang berterusan perlu diadakan bagi memastikan intisari Falsafah Pendidikan Negara dilaksanakan oleh seluruh masyarakat ( Tajul Ariffin, 1990 ). Ini kerana Falsafah Pendidikan ialah proses pembinaan manusia secara menyeluruh dan sepadau dari komponen utama manusia iaitu akal, roh dan jasad. Manusia yang dilahirkan menerusi proses pendidikan mesti bersifat seimbang dengan ketiga-tiga komponen itu sebagai satu dan sepadau.

## **2.3 Falsafah Pendidikan Islam**

### **2.3.1 Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia**

Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia bermula dengan kedatangan saudagar Islam dan pemeluk agama Islam oleh penduduk tempatan. Ajaran Islam dimulakan dengan penterjemahan kitab-kitab mengenai ilmu tauhid, rukun islam, rukun iman, sifat dua puluh, fekah, cara beribadat dan lain-lain ke dalam bahasa anak tempatan.

Perkembangan Pendidikan Islam seterusnya melalui beberapa peringkat sistem belajar di rumah guru, sistem belajar di pondok, sistem belajar di madrasah dan dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Islam datang untuk membawa dan mendidik manusia sebagai khalifah Allah di bumi, membina hati dan dan rohnya, membina raga dan akalnya, membina budi pekerti dan perangainya, mengangkat martabatnya ke ufuk kemanusiaan yang tertinggi dan mengambil tangannya hingga meletakkannya pada titik akhir sebagai satu landasan hidup dari beberapa landasan Islam sebagai manusia seutuhnya ( Abdul Rahman, 1996 ).

Amir ( 1990 ) telah menjelaskan bahawa dalam Islam pengajaran adalah berbentuk fardu ain dan fardu kifayah yang mesti dilaksanakan oleh setiap individu. Oleh itu pendidikan anak-anak digolongkan kepada dua aspek iaitu :

- i. Pembinaan Rohaniah.

Dengan memupuk jiwa anak-anak dengan keimanan yang kukuh, benar, yakin dan ikhlas, membina akhlak mulai berpandukan kepada diri sendiri dengan segala kekuatan jiwa seperti berani, amanah, taat, insaf, kasih sayang, tabah dan sebagainya.

## ii. Pembinaan Jasmaniah.

Anak-anak perlu dididik untuk membina kekuatan tubuh badan agar menjadi orang yang sihat, gagah dan sebagainya dengan latihan yang sesuai dengan kemampuan mereka. Di samping itu anak-anak perlu dilatih supaya benci perkara yang diharamkan oleh Islam yang hanya akan membawa kepada bencana, kemudarat dan penderitaan kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat dengan ibubapa sendiri sebagai model seharian.

Di Malaysia, pengajaran Agama Islam telah dimulakan sejak tahun 1854 lagi tetapi kerajaan penjajah pada masa itu hanya bersedia mengadakan kemudahan bilik darjah, peruntukan waktu belajar agama dan latihan asas pelajaran agama kepada guru-guru pelatih di maktab sahaja. Sebaliknya pula ia tidak bersedia membiayai perbelanjaan mata pelajaran berkenaan. Kelas agama diadakan pada sebelah petang dengan guru agama yang sebahagian kecil dibayar gaji oleh Majlis Agama Islam dan yang lain dibayar oleh ibu bapa murid berkenaan.

Keadaan ini berlanjutan sehingga sampai kepada Penyata Razak (1956) dan seterusnya Ordinan Pelajaran 1957. Seksyen 49 menyatakan bahawa jika terdapat kanak-kanak Islam berjumlah 15 orang atau lebih, maka pelajaran agama hendaklah diajar dan

Kurikulum Pendidikan Agama Islam yang dibentuk adalah berdasarkan kepada keperluan dan matlamat untuk memberi pengetahuan agama kepada pelajar. Mengikut kajian oleh Bahagian Pendidikan Islam ( 1990 ) kurikulum ini menyebabkan guru-guru telah menumpukan peranan mereka untuk mengajar dan memberi ilmu pengetahuan seperti yang terdapat dalam sukan pelajaran dan pelajar-pelajar pula lebih banyak menghafal fakta-fakta daripada memahami fakta. Mereka tidak dapat menghubungkan fakta yang dipelajari dengan amalan dan penghayatan Islam yang sebenarnya. Secara ringkasnya pelajar belajar mata pelajaran Pendidikan Agama Islam hanyalah untuk lulus dalam peperiksaan sahaja.

Terdapat pelbagai kelemahan dalam kurikulum ini maka satu jawatankuasa telah dibentuk untuk mengkaji semula dan telah dilaporkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. Oleh itu wujudlah Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1988.

Program pelajaran Pendidikan Agama Islam mengandungi tiga bahagian iaitu Asuhan Tilawah Al-Quran, Asas Ulum Syariah dan akhlak Islamiah. Asuhan Tilawah Al-Quran menekankan aspek mengenal, menyebut, membaca dan menulis huruf perkataan jawi. Asas Ulum Syariah merangkumi tiga aspek iaitu akidah, ibadat dan syirah Rasullullah SAW. Manakala dalam KBSM, Pendidikan Islam dibahagikan dalam dua bidang iaitu Tilawah Al-Quran dengan menekankan aspek membaca, memahami, menghafaz dan menghayati pengajaran serta nikmat ayat-ayat Al-Quran. Bidang kedua iaitu Ulum Syariah

menekankan aspek-aspek keimanan kepada Allah, Malaikat, Rasul, Kitab, qada dan qadar, beribadat dan cara hidup Islam ( Mohd Salleh , 1996 ).

### **2.3.2 Falsafah Pendidikan Islam**

Zawawi ( 1998 ) menyatakan Falsafah Pendidikan Islam mempunyai watak yang tersendiri kerana ia berteraskan wahyu. Namun demikian ia tetap bersifat terbuka. Di dalamnya terdapat banyak ruang yang boleh menerima ciri-ciri falsafah yang dihasilkan oleh fikiran manusia seperti falsafah idealisme, falsafah realisme natural, falsafah humanisme intelektual dan sebagainya.

Oleh itu antara teras Falsafah Pendidikan Islam ialah mengenal Tuhan, memahami fenomena alam dan diri sendiri serta menghayati cara hidup yang baik itu adalah tergolong di dalam prinsip-prinsip akidah, ilmu dan amal. Melalui Pendidikan Islam proses menerapkan nilai-nilai Islam dan merealisasikan hasilnya dalam bidang pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatannya mengikut dasar-dasar yang digariskan oleh Allah serta membentuk sikap dan tingkah laku seseorang. Pendidikan Islam adalah untuk mengwujudkan manusia yang mendekatkan diri kepada Allah, manusia yang mengenal dirinya, manusia yang memahami untuk apa mereka dijadikan dan manusia yang mengetahui kemanakah kesudahannya ( Wan Mohd Ariffin, 1994 ).

Oleh itu dapatlah dirumuskan Falsafah Pendidikan Negara dibina berlandaskan Agama Islam. Dalam Falsafah Pendidikan Negara nilai-nilai murni Agama Islam seperti

yang terdapat dalam prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan dan Kesopanan dan Kesusahaannya digabungkan. Di peringkat sekolah, nilai-nilai Islam diterapkan dalam aspek pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Aspek pendidikan formal merangkumi pendidikan Agama Islam sebagai mata pelajaran dan pelajaran Bahasa Arab serta tulisan jawi. Aspek pendidikan bukan formal merangkumi seperti unsur-unsur Islam yang diterapkan dalam mata pelajaran yang lain, disiplin sekolah mengikut prinsip-prinsip Agama Islam dan aktiviti-aktiviti keagamaan ( Mok Soon Sang, 1991 ).

Melalui proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah penekanan terhadap cara pembelajaran yang betul. Dalam pendidikan Islam sebagai mata pelajaran di sekolah, beberapa prinsip penting perlu disemai seperti penyoalan yang mana ia proses yang penting. Proses pembelajaran pula boleh dibahagikan kepada tiga peringkat yang penting. Antaranya peringkat penghafalan, perenungan dan tinjauan serta perkara yang diajar mesti digunakan ( Abu Bakar, 1991 ).

Dalam Islam, pendidikan adalah diberi keutamaan. Oleh itu Falsafah Pendidikan Islam juga memainkan peranan penting dalam pembinaan Falsafah Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Islam ialah falsafah yang dirancang dengan hikmah untuk menjadikan proses pendidikan dan usaha pendidikan bagi sesuatu bangsa itu.

Falsafah Pendidikan Islam yang digabungkan secara langsung dengan Falsafah Pendidikan Negara telah banyak memberikan sumbangan kepada pembinaan mental dan kesedaran dalam masyarakat. Falsafah Pendidikan Islam merangkumi:

'Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan panduan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat'

( Bahagian Pendidikan Islam, 1990).

Pernyataan Falsafah Pendidikan Islam ini menegaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam memberikan penekanan kepada:

1. Ilmu atau pengetahuan.
2. Kemahiran atau amalan.
3. Penghayatan Islam.
4. Membentuk sikap.
5. Membentuk akhlak.
6. Membentuk pegangan hidup atau pemikiran Islam.
7. Tanggungjawab membangun diri.
8. Tanggungjawab membangun masyarakat.
9. Tanggungjawab membangun alam sekitar.
10. Tanggungjawab membangun negara.
11. Mewujudkan kebaikan di dunia.
12. Mencapai kesejahteraan abadi di akhirat.

Berdasarkan hasrat Pendidikan Islam iaitu untuk membina insan yang bertanggungjawab sebagai makluk Allah di muka bumi. Namun begitu pelajar hanya mempelajari Agama Islam di sekolah tetapi tidak perlu mengambil peperiksaan. Ini dapat dilihat dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1976, daripada 113,686 calon di kalangan aliran melayu hanya 68,122 calon sahaja yang mengambil mata pelajaran Agama Islam, manakala 40,000 lagi tidak mengambilnya ( Haron dan Sobri, 1988 ). Ini menyebabkan matlamat Pendidikan Islam tidak dapat dicapai dan dihayati sepenuhnya oleh para pelajar.

Masalah Pendidikan Islam yang tidak diminati dan kurangnya penghayatan di kalangan pelajar turut disebutkan oleh Datuk Wira Abdul Rahman Arshad ( 1987 ) melalui ucapan dalam Seminar Pendidikan Islam yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ( Nik Rosila, 1997 ). Oleh itu sistem Pendidikan Islam perlu suatu reformasi.

Reformasi pendidikan pada tahun 1988 telah memberi penekanan supaya Pendidikan Islam menitikberatkan kepada keupayaan tiap-tiap pelajar, memahami aspek akidah dan boleh beramal dengan ibadah dan akhlak Islam. Ini menjadikan waktu pembelajaran Pendidikan Islam telah ditambah daripada 3 waktu menjadi 6 waktu seminggu. Penambahan ini adalah satu waktu bagi amali solat atau solat berjemaah dan 2 waktu untuk memperkuuhkan kurikulum.

Melalui pelaksanaan Pendidikan Islam KBSM, satu waktu solat berjemaah di kenali sebagai waktu amali solat. Penyusunan jadual waktu hendaklah disesuaikan agar

waktu tersebut terletak dalam waktu solat fardu zuhur atau solat waktu fardu asar. Status aktiviti amali solat berjemaah ini adalah rasmi dan dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan seperti Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 1/ 1988 ( Kementerian Pendidikan, 1988 ).

Namun begitu selepas tujuh tahun KBSM ini dilaksanakan, masih terdapat lagi pelajar-pelajar yang keluar dari sekolah buta al-Quran, buta fardu ain malah ramai juga yang hanyut dalam arus keruntuhan akhlak dan perlakuan jenayah. Terdapat juga isu-isu pelajar yang tidak boleh mengucap Dua Kalimah Syahadah, tidak tahu membaca Fatihah, tidak tahu mengambil wuduk, tidak tahu menunaikan sembahyang dan seumpamanya. Keadaan ini menunjukkan bahawa ilmu yang mereka perolehi di sekolah tidak diamalkan atau dihayati. Sehubungan dengan itu pihak Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dengan harapan pelajar-pelajar akan lebih mantap kefahaman dan penghayatan fardu ain khasnya apabila mereka meninggalkan bangku sekolah nanti ( Bahagian Pendidikan Islam , 1995 ).

### **2.3.3 Konsep Fardu Ain**

Fardu Ain ialah merupakan suatu kewajiban atau kefarduan yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam, lelaki dan perempuan yang berakal dan cukup umur ( akil baligh ). Mereka ini di gelar mukallaf. Kanak-kanak yang belum baligh dan orang yang tidak siuman ( tidak berakal ), tidak termasuk dalam golongan mukallaf kerana mereka tidak termasuk dalam golongan akil baligh ( Hassan, 1997).

Berdasarkan kefahaman di atas, fardu ain itu sangat luas. Ini termasuklah sembahyang, puasa, zakat dan haji serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

### **2.3.4 Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA)**

#### a. Maksud PAFA

Perkara-perkara fardu ain ialah beberapa perkara yang terpenting dari fardu ain yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam yang hendak dipastikan supaya setiap pelajar benar-benar mengetahui, memahami dan boleh mengamalkannya dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang ditetapkan.

#### b. Tujuan Penilaian PAFA.

Terdapat 3 tujuan utama Penilaian PAFA:

1. Mengenalpasti murid atau pelajar yang lemah dalam kefahaman dan amalan Perkara Asas Fardu Ain, kemudian membimbing sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkan dengan betul dan sempurna.
2. Memastikan tidak terdapat sebarang kecinciran dalam Perkara Asas Fardu Ain. Dengan perkataan lain menentukan kejayaan 100 %.

3. Menimbulkan dan menyuburkan keinsafan dan kerelaan yang positif untuk menghayatinya dalam amalan kehidupan sehari-hari.

c. Tajuk-tajuk PAFA.

Antara tajuk-tajuk yang terdapat dalam Buku Panduan Perkara-Perkara Asas Fardu

Ain :

1. Mengucap Dua Kalimah Syahadah.
2. Rukun Islam.
3. Rukun Iman.
4. Beristinjak.
5. Membersihkan diri, pakaian dan tempat daripada najis.
6. Cara berwuduk.
7. Cara Bertayammum.
8. Cara Mandi Wajib.
9. Azan, Iqamah, Jawapannya dan doa selepas Azan dan Iqamah.
10. Solat Fardu.
11. Solat Jenazah.
12. Puasa.
13. Adab Terhadap Ibu bapa.
14. Perkahwinan (bagi peperiksaan SPM sahaja).
15. Ihsan.

d. Cara Penilaian.

Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dijalankan melalui peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah ( PMR ) dan Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ) yang dikendalikan sepenuhnya oleh sekolah dan di bawah pengurusan Lembaga Peperiksaan. Penilaian ini diharapkan akan memberi makna terhadap pentingnya PAFA dalam usaha membentuk individu yang berakidah, beribadah dan berakhhlak mulia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995).

Tempoh penilaian yang dibuat ialah sepanjang tahun peperiksaan tersebut. Ia hendaklah selesai sebulan sebelum peperiksaan bertulis dijalankan. Penilaian ini dijalankan secara lisan dan amali. Cara lisan ialah untuk menentukan pelajar mencapai kefahaman yang sebenar, manakala cara amali pula untuk menentukan pelajar boleh melakukan ibadat-ibadat yang ditentukan dengan betul dan sempurna.

Soalan dan jawapan penilaian adalah tidak rahsia. Pelajar-pelajar akan diberitahu pada awal tahun peperiksaan malah setiap pelajar akan dibekalkan dengan sebuah buku teks sebagai panduan penilaian tersebut. Pelajar-pelajar diberi masa, peluang dan bimbingan yang secukupnya untuk mengulang, memperbetulkan dan memperbaiki kesalahan dan kelemahan sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkan sesuatu kemahiran dengan jaya, betul dan sempurna ( Kementerian Pendidikan Malaysia , 1995 ). Pelajar juga boleh bersama guru untuk menetapkan bila tarikh mereka yang hendak diuji.

Penilaian akan menggunakan dua borang iaitu borang individu dan borang kelompok. Penilai akan menggunakan kedua-dua borang ini semasa membuat penilaian kemudiannya akan disahkan oleh pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri sebelum dihantar ke Lembaga Peperiksaan.

Kementerian Pendidikan akan melaporkan pernyataan "LULUS PERKARA ASAS FARDU AIN" dalam pernyataan keputusan dan sijil peperiksaan bagi calon yang telah berjaya menguasai, faham dan dapat mengamalkan semua soalan PAFA dengan betul dan sempurna.

#### **2.4 Tinjauan Kajian Berkaitan dengan Pencapaian Pelajar.**

Terdapat banyak faktor yang menentukan pencapaian akademik seseorang pelajar. Menurut Krouse dan Krouse ( 1981 ) menyatakan terdapat dua faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik. Pertama ialah faktor yang sukar diubahsuai melalui tindakan akademik atau pun psikologi. Ini termasuk taraf sosio-ekonomi, peranan ibu bapa serta persekitaran rumah yang serba kekurangan. Faktor kedua ialah faktor yang boleh diubahsuai melalui intervensi pendidikan. Ini termasuk disfungsi personaliti dan kekurangan kemahiran kognitif.

Ahli-ahli sosiologi pendidikan pula sering menekankan bahawa faktor sosio-ekonomi dan persekitaran rumah tangga memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik pelajar ( Fraser, 1959, Douglas, 1964, Morrison dan McIntyre, 1973,

Marimuthu, 1975 dalam Suradi Salim, 1987 ). Mereka berpendapat bahawa keadaan tempat belajar, alat-alat kelengkapan, kemampuan keluarga sebagainya mempunyai kesan ke atas pencapaian akademik pelajar. Para pendidik pula berpendapat bahawa kualiti pengajaran, kecukupan kelengkapan dan kemudahan belajar adalah sangat penting.

Kajian-kajian yang telah dijalankan dan sikap pelajar mempengaruhi kejayaan atau akademik seseorang pelajar. Pelajar yang mahukan kejayaan harus pandai membahagikan masa untuk kegiatan akademik dan sosial dan tahu cara-cara belajar yang berkesan. Belajar dengan cara yang tidak dirancang akan banyak membazirkan masa dan tenaga jikalau dibandingkan dengan hasil dari segi usaha dan masa yang telah dilaburkan.

Sikap terhadap guru dan mata pelajaran atau kursus yang diambil juga akan mempengaruhi minat dan usaha ke arah kejayaan akademik. Sikap negatif terhadap guru dan sekolah boleh melemahkan minat dan motivasi belajar dalam mata pelajaran yang diajar oleh guru itu. Motivasi belajar seseorang pelajar adalah berkaitan rapat dengan minatnya. Pelajar yang mempunyai matlamat pelajaran yang khusus yang biasanya berkaitan rapat dengan minat pekerjaan masa hadapan akan lebih bergiat dalam pelajarannya dan mereka sanggup mengatasi segala rintangan yang menghalang citacitanya ( Suradi Salim, 1987 ).

Rutter ( 1979 ) dalam kajiannya mengenai perhubungan keadaan sekolah dan pencapaian akademik pelajar mendapati bahawa suasana sekolah di mana pelajar berpersepsi gurunya boleh didekati atau boleh mendapat sokongan daripadanya akan

memperolehi kejayaan akademik yang agak cemerlang. Laporan Coleman ( 1982 ) mengenai pencapaian akademik di sekolah-sekolah di Amerika Syarikat dengan jelasnya menunjukkan bahawa pencapaian dan minat pelajar untuk belajar adalah banyak bergantung kepada persepsi terhadap gurunya dari segi kemesraan, keberkesanannya pengajaran dan layanan yang adil daripada gurunya.

Menurut Bloom ( 1982 ) menganggap ciri-ciri afektif penting di peringkat kemasukan mahupun sebagai hasilan sesuatu pengajaran. Menurut beliau, ciri-ciri pelajar dari segi kognitif dan afektif di peringkat kemasukan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas pencapaian semasa. Di samping itu terdapat tiga dimensi perasaan yang boleh mempengaruhi atau menentukan pembelajaran iaitu :

- a. Perasaan terhadap mata pelajaran yang merujuk kepada minat atau kesungguhan mempelajari subjek-subjek khusus.
- b. Perasaan terhadap sekolah yang merujuk kepada kecenderungan pelajar utiliti dan keseronokan berada di sekolah.
- c. Perasaan terhadap kendiri yang dijelaskan sebagai persepsi pelajar tentang dirinya sebagai pemimpin yang cekap.

Melalui penyelidikan lebih daripada lima puluh kajian, Bloom membuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga dimensi yang dinyatakan di atas menerangkan dua puluh lima peratus varians dalam pencapaian sekolah. Ini menunjukkan bahawa ciri-ciri afektif yang mencakupi minat, sikap dan '*'self - view'*' mempunyai hubungan dengan pencapaian.

Beebout ( 1972 ) mendapati bahawa 47 % hingga 60 % daripada jumlah varians dalam pencapaian akademik adalah disebabkan oleh prestasi akademik ( diukur dengan skor pencapaian SRP ) dan pencapaian pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pencapaian pelajar lelaki. Namun begitu tidak terdapat sebarang perbezaan dalam pencapaian dari segi lokasi bandar dan luar bandar.

Leong Yin Ching, et.al ( 1990 ) dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bank Dunia telah menjalankan kajian ke atas sekolah rendah ( untuk peperiksaan Darjah V ) dan juga sekolah-sekolah menengah ( untuk peperiksaan SRP, SPM dan STPM ) di seluruh negara. Rumusan daripada dapatan mereka berdasarkan faktor-faktor yang diselidik adalah seperti berikut :

i. Lokasi

Terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara lokasi sekolah dan pencapaian akademik murid-murid. Mereka yang menghadiri sekolah bandar berpencapaian lebih baik daripada mereka yang menghadiri sekolah di luar bandar.

ii. Jantina.

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap-tahap pencapaian berdasarkan jantina. Pada peringkat sekolah rendah , murid-murid perempuan mempunyai pencapaian yang lebih baik daripada lelaki. Kelebihan pendidikan perempuan pada peringkat rendah

dikekalkan sehingga SPM, tetapi pada peringkat STPM pelajar lelaki berpencapaian lebih tinggi daripada perempuan.

iii. Prestasi Akademik.

Bagi SRP, prestasi akademik peperiksaan Darjah V adalah penentu yang baik bagi pencapaian dalam SRP iaitu mereka yang mendapat keputusan baik dalam Darjah V lebih berkemungkinan mendapat keputusan baik dalam SRP. Demikian juga halnya untuk SPM di mana peperiksaan Darjah V dan SRP dijadikan ukuran prestasi akademik.

iv. Status Sosial Ekonomi (SES).

Hubungan yang signifikan dan positif di antara SES pelajar dan pencapaian akademik terdapat pada semua peringkat yang dikaji di mana lebih tinggi SES murid lebih tinggi pencapaian akademiknya.

v. Sikap terhadap mata pelajaran.

Mereka mendapati bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajaran sekolah boleh mempengaruhi tahap pencapaian mereka. Pada umumnya, majoriti guru dalam sekolah yang berpencapaian tinggi mempersepsikan pelajar-pelajar mereka sebagai sangat berminat dalam mata pelajaran yang diajar dan sebaliknya untuk sekolah-sekolah berpencapaian rendah.

Kajian oleh Khoo dan Ng ( 1982 ) tentang persepsi pelajar terhadap mata pelajaran matematik. Subjek kajian itu terdiri daripada 379 orang pelajar Tingkatan 4 dan 6 dari lima buah sekolah bandar di Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan Melaka. Hasil kajian itu mendapati antara pelajar-pelajar yang tidak suka matematik, 24 % pelajar berpendapat pengajaran kurang baik, 14 % pelajar berpendapat matematik sangat kompleks serta mengecewakan dan 28 % pelajar berpendapat matematik membosankan.

Kajian oleh Chiu ( 1994 ) ke atas 344 orang pelajar di Sekolah Menengah Gombak mendapati persepsi terhadap mata pelajaran matematik menurun mengikut tingkatan. Beliau mendapati persepsi pelajar Tingkatan 1 terhadap matematik lebih tinggi daripada persepsi pelajar Tingkatan 4 terhadap matematik.

Kamsiah Abdullah ( 1984 ) telah membuat kajian tentang sikap dan motivasi penuntut Melayu di Sekolah Menengah Singapura terhadap dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap bahasa terbentuk akibat dari pandangan mereka tentang kepentingan bahasa tersebut dalam konteks sosio-budaya dan sosio-ekonomi negara mereka. Pelajar Melayu mempunyai sikap yang mirip kepada negatif terhadap Bahasa Melayu tetapi mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Inggeris. Hal ini berlaku kerana pelajar Melayu menyedari tentang kedudukan tinggi yang dinikmati oleh Bahasa Inggeris dan faedah yang diperolehi jika mereka cekap dalam bahasa tersebut. Aspek utama yang menimbulkan sikap positif terhadap Bahasa Inggeris adalah pentingnya pengetahuan bahasa tersebut untuk mendapat

pekerjaan yang lumayan gajinya, peluang untuk memasuki universiti dan tujuan untuk bergaul dengan kaum-kaum lain.

Di Malaysia kajian tentang motivasi dan sikap pelajar telah dijalankan oleh Subramaniam ( 1976 ). Beliau telah mengkaji peranan sikap dan motivasi dalam penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Tingkatan IV di lima buah Sekolah Menengah aliran Melayu di negeri Selangor. Subjek untuk kajian terdiri daripada 240 pelajar dari sekolah kawasan bandar manakala 120 pelajar lagi dari sekolah luar bandar. Pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris didapati mendapat keputusan yang lebih baik dalam ujian Bahasa Inggeris. Jika dilihat kesan lokasi geografi terhadap sikap dan motivasi terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap dan motivasi pelajar luar bandar dan pelajar dari sekolah di bandar. Pelajar di bandar mempunyai motivasi yang tinggi dan sikap yang lebih positif terhadap Bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar dari kawasan luar bandar.

Terdapat kajian pengaruh penglibatan dalam sukan dengan pencapaian akademik. Kajian oleh Mohamed Nor Che' Noh ( 1982 ) yang membandingkan pencapaian akademik dan ciri-ciri kesesuaian atlit dan bukan atlit. Pengaruh beberapa pembolehubah sosio-psikologi juga diselidik bagi menentukan kesannya terhadap kesesuaian dan pencapaian akademik. Sejumlah 600 pelajar lelaki dan perempuan tingkatan 4 dari 6 buah sekolah di Selangor diambil sebagai sampel. Penyelidikan ini menggunakan pembolehubah sosio-psikologi termasuk jantina, sosio-ekonomi, aliran akademik, kecerdasan dan kegiatan dalam sukan digunakan sebagai pembolehubah tidak bebas. Dapatkan kajian menunjukkan :

1. Atlit mempunyai pencapaian yang lebih baik dari bukan atlit.
2. Atlit yang melibatkan diri dalam lebih satu jenis sukan mencapai taraf akademik yang lebih tinggi dari atlit yang menyertai dalam satu jenis sukan.
3. Tidak ada perbeaan yang signifikan dalam kecerdasan di antara atlit dan bukan atlit dan di antara atlit satu sukan dengan atlit lebih dari satu sukan.
4. Atlit perempuan mempunyai pencapaian akademik yang lebih tinggi dari atlit lelaki.
5. Tidak terdapat perbeaan yang signifikan di dalam kecerdasan di antara lelaki dan perempuan.
6. Perbeaan yang signifikan terdapat di antara subjek aliran sains dan subjek sastera dalam aspek akademik, kesesuaian dan kecerdasan.
7. Terdapat perbeaan yang signifikan dalam pengajian akademik, kesesuaian dan kecerdasan di antara subjek dalam golongan sosio-ekonomi pertengahan dengan mereka yang bertaraf sosio-ekonomi rendah.

Kajian-kajian lain tentang penglibatan sukan telah menunjukkan bahawa penyertaan dalam sukan tidak menjelaskan pencapaian akademik ataupun kesesuaian subjek yang dipilih. Sebaliknya terdapat pertalian yang positif di antara penyertaan dalam sukan dengan kesesuaian dan pencapaian akademik.

Gortfield ( 1985 ) dalam kajiannya mengenai motivasi intrinsik di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah terhadap mata pelajaran dan pembelajaran mendapati terdapat hubungan yang positif di antara motivasi intrinsik dengan persepsi pelajar tentang keupayaan mereka. Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik tinggi dalam pelajaran

mempunyai persepsi yang lebih condong kepada keupayaan akademik, mempunyai ketakutan akademik rendah dan orientasi bilik darjah yang lebih rendah.

Kajian oleh Abdul Aziz ( 1990 ) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tekanan ibu bapa dan motivasi akademik terhadap pencapaian pelajar. Jangkaan kejayaan pelajar juga mempengaruhi pencapaian mereka dalam akademik. Dapatkan juga menunjukkan peranan bapa sama penting dengan peranan ibu dalam meningkatkan pencapaian dalam akademik.

Renie ( 1990 ) yang mengkaji tentang sikap pelajar terhadap mata pelajaran sains dan pilihan untuk menyambung pelajaran dalam aliran sains merumuskan dapatannya seperti berikut :

1. Pelajar daripada aliran sains mempunyai sikap positif untuk menyambung pelajaran dalam aliran sains berbanding pelajar aliran sastera.
2. Pelajar daripada sekolah menengah bantuan kerajaan bersikap positif terhadap aliran sains berbanding pelajar daripada sekolah swasta.
3. Pelajar lelaki menunjukkan sikap yang positif terhadap aliran sains berbanding pelajar perempuan.

Kajian oleh Maniam ( 1993 ) menunjukkan pelajar yang berpencapaian tinggi mempunyai konsep kendiri akademik dan sikap terhadap sekolah yang positif. Pencapaian

akademik pelajar juga dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya motivasi pencapaian, aspirasi akademik, kebiasaan belajar dan kemahiran belajar.

## **2.5 Tinjauan Minat dan Pencapaian Terhadap Pendidikan Islam dan Perkara Asas Fardu Ain.**

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, masih ramai pelajar yang menunjukkan minat dan sikap yang tidak memuaskan terhadap mata pelajaran ini. Kementerian Pendidikan yang diwakili oleh Bahagian Pendidikan Islam (1988) mengkaji tentang status pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah rendah Malaysia dan mendapati minat terhadap guru Pendidikan Islam mempunyai korelasi bernilai positif dengan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Nik Rozila , 1997).

Kajian lain tentang sikap pelajar terhadap mata pelajaran juga dijalankan oleh Juriah (1975) tentang pencapaian murid-murid bukan Melayu dalam peperiksaan *Malaysia Certificate Of Education ( MCE )* pada tahun 1974. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa sikap pelajar mempunyai kaitan yang rapat dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Kajian oleh Fauziah ( 1990 ) tentang persepsi dan sikap pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran Agama Islam mengikut status sosio ekonomi mendapati, peratus pelajar dari status sosio ekonomi tinggi yang melibatkan diri secara aktif dalam Persatuan Agama

Islam ialah 14.6 peratus. Manakala pelajar-pelajar dari status sosio ekonomi sederhana ialah 15 peratus dan dari status sosio ekonomi rendah ialah 33.3 peratus. Maka dapatlah dikatakan pelajar-pelajar dari status sosio ekonomi rendah mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Agama Islam.

Kajian Suradi (1987) adalah sebaliknya. Kajiannya ke atas 147 orang pelajar di tiga buah sekolah menengah di Selangor tentang sikap dan tabiat belajar, mendapati pelajar-pelajar tidak mempunyai sikap yang positif terhadap guru mereka.

Kajian oleh Bahagian Pendidikan Islam (1988) menunjukkan mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran ketiga diminati berbanding dengan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik. Manakala guru Pendidikan Islam pula merupakan guru keempat diminati oleh pelajar.

Kesan daripada kurang berminat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dapat dilihat dalam prestasi peperiksaan awam. Misalnya, dalam prestasi Pendidikan Islam pada tahun 1983 yang menunjukkan pencapaian yang menurun dari lingkungan 15 % hingga 19 % dan tahap pencapaian calon adalah hampir sama pada tahun-tahun berikutnya. Begitu juga dalam Laporan Prestasi Pendidikan Islam bagi SPM pada tahun 1991 yang menunjukkan prestasi yang menurun. Ini kerana tahap pemahaman pelajar terhadap istilah-istilah dalam Agama Islam masih lemah (Lembaga Peperiksaan, 1991).

Kementerian Pendidikan Malaysia ( 1991 ) yang menganalisis gred mata pelajaran SPM mendapati daripada 87,100 calon yang mengambil mata pelajaran Agama Islam, 1,800 calon daripadanya tidak menghadiri peperiksaan bagi mata pelajaran tersebut. Peratus kegagalan ialah 42.9 % daripada 18.1 % pelajar yang mendapat kepujian. Dapatan ini menunjukkan minat dan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kurang memuaskan.

Tinjauan oleh Balkhis ( 1987 ) mendapati kebanyakan murid yang berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam adalah daripada golongan keluarga yang berpendapatan sederhana. Faktor-faktor pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran ini iaitu :

1. Kurang faham dan jelas penerangan guru semasa proses pengajaran.
2. Pelajar tidak minat Pendidikan Islam dan tidak dapat menguasai jawi dengan baik menyebabkan proses memahami pengajaran guru terjejas.
3. Tunjuk cara yang sesuai tidak didedahkan oleh guru dengan berkesan seperti tayammum.
4. Sebahagian daripada guru Pendidikan Islam tidak memahami dengan jelas topik yang diajar serta tidak mengaitkannya dengan contoh dan alat bantu mengajar yang sesuai.
5. Kurang kerjasama daripada guru-guru lain dan kekurangan guru yang berpengalaman.

Sikap dan minat pada sesuatu mata pelajaran dan guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sikap dan minat yang negatif akan menimbulkan pelbagai masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Muhamad Endut ( 1992 ) menyenaraikan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam iaitu :

1. Kelemahan pelajar dalam membaca Al - Quran dan Ulum Syariah.
2. Penggunaan tulisan jawi dalam Pendidikan Islam.
3. Suasana kelas dan disiplin murid semasa pengajaran.
4. Amalan nilai yang bercanggah.

Fauziah ( 1990 ) menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam secara tradisinya dianggap sebagai mata pelajaran yang terpaksa dipelajari, bukannya sebagai mata pelajaran pilihan. Oleh itu, sememangnya sejak awal lagi pelajar tidak mempunyai persepsi yang baik terhadap mata pelajaran ini. Sikap sebegini akan mempengaruhi minat mereka. Fauziah juga menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu :

1. Mata pelajaran ini tidak disenaraikan sebagai satu mata pelajaran yang boleh menempatkan pelajar ke dalam kelas-kelas yang terbaik.
2. Waktu mata pelajaran Pendidikan Islam terletak di hujung jadual waktu persekolahan, sedangkan pada waktu ini tenaga pelajar sudah semakin berkurangan.

3. Bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas menyebabkan guru tidak dapat mengawal disiplin mereka.

Kajian oleh Azman ( 1986 ), mendapati 75 % daripada 995 orang pelajar Tingkatan 2 dan 4 di 10 buah sekolah menengah tidak begitu berminat dengan pelajaran Pendidikan Islam. Beliau membuat kesimpulan bahawa keadaan bilik darjah bagi mata pelajaran Agama Islam boleh diumpamakan sebagai satu bilik di mana orang yang berada di dalam ingin hendak keluar dan orang di luar tidak berminat untuk masuk ke dalam. Ini menunjukkan kurangnya motivasi murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan juga pengajaran Pendidikan Islam.

## **2.6 Rumusan**

Penilaian Perkara Asas Fardu Ain ( PAFA ) adalah suatu cara untuk meningkatkan minat dan amalan fardu ain di kalangan pelajar. PAFA yang telah dilaksanakan mulai sesi persekolahan pada tahun 1994/95. Kajian rintis tentang PAFA telah dijalankan oleh Osman bin Abu Bakar di daerah Kuala Kangsar, Perak.

Pendidikan Islam khasnya fardu ain adalah penting kerana ia merupakan kewajipan ke atas setiap orang Islam ilmu ini akan menentukan sama ada ibadat yang dilakukan itu sah atau tidak. Jika amalan atau ibadat yang dilakukan itu tidak sah maka sia-sia ibadat itu.

Ini bertepatan dengan sabda Rasullulah SAW yang bermaksud sesiapa yang inginkan kebahagiaan hidup di dunia, ia perlu ilmu, sesiapa yang inginkan kebahagian hidup di akhirat, ia perlukan ilmu dan sesiapa yang inginkan kebahagian hidup di dunia dan akhirat, ia juga perlukan ilmu ( Yusuf Al- Qardhawy, 1980 ).

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan untuk melihat hubungan minat dan sikap terhadap sesuatu mata pelajaran serta pencapaian dalam mata pelajaran tersebut. Andaiyan yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji bahawa sikap boleh mempengaruhi pencapaian.